

## SIARAN MEDIA

# MEDAC KOMITED PASTIKAN USAHAWAN DI KOMPLEKS BELI-BELAH UDA KEMBALI BEROPERASI 100% MENJELANG DISEMBER

---

**Johor Bahru, 7 November 2021** - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited memastikan semua usahawan yang beroperasi di dalam kompleks beli-belah milik UDA Holdings Berhad (UDA) di seluruh Malaysia kembali beroperasi 100% menjelang Disember 2021.

YB Tan Sri Noh Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, "Ini merupakan salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) 100 hari dan usaha ini selari dengan hasrat Kementerian dalam memulihkan perniagaan serta meneruskan kelangsungan hidup terutamanya bagi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)".

"Dalam usaha mencapai KPI 100 hari ini, kita turut menumpukan pada usaha untuk memulihkan usahawan terjejas dan memperkasa usahawan sedia ada di kompleks beli-belah milik UDA," kata beliau ketika berucap sewaktu lawatan rasmi ke Angsana Johor Bahru Mall, hari ini.

Selari dengan hasrat Kementerian, UDA memperkenalkan beberapa Program Insentif Keusahawanan UDA merangkumi bantuan dalam bentuk rebat atau diskaun sewa dan manfaat fasiliti iaitu UDA Bizznita dan UDA 4Youth kepada kumpulan sasar usahawan wanita dan belia (bawah 40 tahun) yang menyewa di kompleks beli-belah milik UDA.

Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA berkata, "Bagi tahun 2021, sebanyak RM1.64 juta diperuntukkan untuk program insentif tersebut dalam usaha mempergiat aktiviti keusahawanan seterusnya memacu pembangunan sosioekonomi melalui aktiviti peruncitan".

“Sehingga Oktober, hampir 300 usahawan telah menerima manfaat daripada insentif yang diperkenalkan sejak Januari tahun ini. Insentif ini diharap dapat memberi galakan serta dorongan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan perniagaan selain dapat menjalankan perusahaan di tempat yang kondusif,” kata beliau.

Bagi membantu usahawan UDA yang terjejas akibat pandemik, Kementerian menerusi TEKUN Nasional turut menawarkan bantuan pembiayaan kepada usahawan di semua kompleks beli-belah dan bangunan komersial milik UDA termasuk di Angsana Johor Bahru Mall. Bantuan pinjaman tersebut adalah salah satu jalinan kerjasama UDA dan TEKUN Nasional dalam usaha menyokong pemulihan serta memacu perkembangan perniagaan usahawan.

Sementara itu, satu Sesi Menandatangani Perjanjian Pengendalian Pusat Runcit Setempat di antara UDA dengan TEKUN Corporation Sdn Bhd, anak syarikat TEKUN Nasional turut dilaksanakan. Pemeteraian perjanjian itu berlangsung bagi menjayakan *One-Stop Retail Centre* milik UDA diberi nama ‘Mari Mart’. Perjanjian ditandatangani oleh Sr Mohd. Salem Kailany mewakili UDA manakala TEKUN Nasional diwakili Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato’ Adam Abd Ghani dan disaksikan oleh Tan Sri Noh Omar.

Menurut Sr Mohd. Salem Kailany, “Mari Mart diwujudkan bertujuan mengukuhkan pusat pemasaran produk-produk PMKS tempatan dan koperasi. UDA menyediakan lokasi sebagai hab untuk usahawan mempromosikan produk-produk mereka dan usahawan dapat menerima manfaat dalam bentuk kos pengurusan dan manfaat fasiliti. Menerusi penubuhan Mari Mart ini, UDA menyasarkan untuk mempromosikan 2,000 produk usahawan. Sehingga kini, dua *outlet* Mari Mart telah dibangunkan iaitu di Angsana Ipoh Mall dan Angsana Johor Bahru Mall,” kata beliau.

UDA selaku pemilik Mari Mart berkerjasama dengan TEKUN Corporation Sdn Bhd yang dilantik sebagai *operator outlet* di Angsana Johor Bahru Mall. Sebagai simbolik kerjasama tersebut, UDA menyerahkan replika kunci Mari Mart @ Angsana Johor Bahru Mall kepada TEKUN Corporation Sdn Bhd pada majlis yang sama. Mari Mart di Angsana Ipoh Mall telah pun beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2021 dengan lebih 500 produk dipasarkan daripada 50 usahawan PMKS.

Sementara itu, UDA menerusi program tanggungjawab sosial korporat - UDA Cares Project RE\_ telah menyumbangkan hampir RM30,000 dalam bentuk komputer kepada Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sumbangan disalurkan bagi membantu KKM memperkemas dan menambahbaik proses pendaftaran dan analisis data bagi mengatasi penularan Covid-19.

Untuk makluman, UDA turut memperuntukkan RM33.1 juta insentif sewa bagi membantu 847 usahawan di kompleks beli-belah UDA di seluruh Malaysia. Insentif berupa pengecualian, diskaun dan tunggakan sewa itu diberikan sejak April 2020 sehingga Oktober 2021 dalam usaha membantu kelangsungan usahawan serta membantu aliran tunai kewangan usahawan di waktu pandemik.

## TAMAT

---

### MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) yang dulu dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority) telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan merupakan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

Selama hampir lima dekad, UDA terus komited dalam mencorakkan, membentuk serta memodenkan bandar-bandar utama di Malaysia.

Kini, UDA adalah salah sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampan di Malaysia dengan memfokuskan pada empat teras perniagaan iaitu pembangunan hartanah (UDA Property), penyedia perkhidmatan hospitaliti (UDA Ancasa), pengurusan aset/pusat beli-belah (UDA Mall) dan pengurusan fasiliti (UDA Dayaurus).

UDA turut konsisten bekerja keras bagi memenuhi misi kami iaitu 'Memperkasa kehidupan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar terbaik'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my). Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- |                                     |  |                 |
|-------------------------------------|--|-----------------|
| • Latifah Osman (Lat)               | <a href="mailto:lat@udanet.com">lat@udanet.com</a>                     | +6012 291 5427  |
| • Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)    | <a href="mailto:n.hanisah@udanet.com">n.hanisah@udanet.com</a>         | +6013 597 4264  |
| • Mohamad Haziq Radhwan Mohd Yusoff | <a href="mailto:haziq.radhwan@udanet.com">haziq.radhwan@udanet.com</a> | +6011 2412 0907 |

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan  
UDA Holdings Berhad  
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.  
Tel: +603 2730 8500 | Fax: +603 2731 2855

**“MEMPERKASA GAYA HIDUP LESTARI”**